

17/08/2002

Kerajaan akan bina rumah nelayan

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan membina penempatan dan rumah untuk nelayan dan petani miskin di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, pembinaan rumah di bandar dan luar bandar itu perlukan peruntukkan besar dan dilaksanakan secara berperingkat.

"Kita tiada peruntukan bagi seluruh negara sekali gus, tetapi dilaksanakan secara berperingkat. Projek akan dilaksanakan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan RM300 juta diperuntukkan di Terengganu.

"Dalam bandar, kerajaan membina rumah pangsa, manakala di luar bandar, kerajaan mahu supaya rakyat miskin hidup dalam rumah yang lebih selesa," katanya selepas merasmikan majlis penyerahan kunci dan surat tawaran Projek Perumahan Keluarga Nelayan Terengganu, di Kampung Tok Jembal, hari ini.

Pada majlis itu, 200 keluarga nelayan menerima surat tawaran, manakala dua keluarga menerima kunci rumah.

Dalam projek perumahan itu, nelayan menerima skim pinjaman diberi subsidi, iaitu membayar RM28,000 untuk rumah berharga RM40,000 dengan kadar bayaran RM100 sebulan selama 22 tahun.

Menerusi skim pinjaman itu, SPNB menyediakan dua jenis rumah, iaitu berukuran 210 meter persegi pada harga RM30,000 dan 300 meter persegi berharga RM40,000.